

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003**

HBT 100 – Pengenalan Teori dan Praktik Terjemahan

Masa: 3 jam

ARAHAN:

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN [9]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan. Jawab mana-mana **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. Pilih teks A ATAU B yang telah diberikan dalam Lampiran 1 dan 2 pada muka surat 8 dan 9.
Jawab [a] dan [b].

Choose either Text A OR Text B given in Appendices 1 and 2 on page 8 and 9.

Answer [a] and [b].

- [a] Dengan tidak melebihi 150 perkataan, tulislah suatu analisis tentang teks itu dengan membincangkan perkara-perkara di bawah:

[i] Kaedah penterjemahan yang anda fikirkan sesuai digunakan untuk menterjemahkan teks yang anda pilih itu. [Teks A, bahasa sasarannya ialah bahasa Melayu dan Teks B, bahasa sasarannya ialah bahasa Inggeris].

[ii] Masalah yang mungkin dihadapi oleh penterjemah semasa menterjemahkan ayat-ayat berikut:

With not more than 150 words, write an analysis of the text based on the following:

[i] The translation approach which you believe is appropriate to adopt in translating the text.

[ii] The problems which a translator might encounter in the translating the following sentences.

[10 markah]

- [b] Sila terjemahkan perenggan 2 Teks A ke dalam bahasa Malaysia ATAU perenggan 2 Teks B ke dalam bahasa Inggeris.

Translate paragraph 2 of your chosen text.

[15 markah]

2. Jawab [a], [b] dan [c].

- [a] Jelaskan dengan ringkas maksud persamaan [*equivalence*] dalam terjemahan.

Explain briefly the meaning of equivalence in translation.

[1 markah]

- [b] Kenal pasti peringkat persamaan dalam data bergaris di dalam ayat [i] hingga [viii] berdasarkan kategori yang dikemukakan oleh Baker (1992).

Identify the level of equivalence in the underlined data in sentences [i] to [viii] according to the category given by Baker (1992).

- [i] Dukun Seman menjampi air itu. Kemudian dia merenjis-renjiskannya ke muka dan dada ayah.
- [ii] "I stayed up too late tonight. Tomorrow I'll have to pay the piper."
- [iii] Aku seronok sekali makan nasi tadi kerana ibu telah menyediakan sambal tumis petai kegemaranku.
- [iv] The process of mummification was remarkably effective. Indeed, mummies several thousand years old have been discovered nearly intact.
- [v] The heat weighed on him like some appalling tower of naked fire that seemed to grow and grow and grow...
- [vi] This mouse is wild. Consequently, I can't open any programmes on my computer.
- [vii] Kebaikan melafazkan zikir ini adalah untuk mendapat kurnia, keredhaan dan perlindungan dari Tuhan.
- [viii] Polonius said, "Neither a borrower nor a lender be."

[8 markah]

- [c] Terjemahkan ayat-ayat di atas. Ayat-ayat di dalam bahasa Malaysia hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan ayat-ayat di dalam bahasa Inggeris hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia.

Translate the sentences above. The Malay sentences are to be translated into English and the English sentences into Malay.

[16 markah]

3. Jawab [a] dan [b].

- [a] "Each text is produced for a given purpose and should serve this purpose" (Vermeer, dlm. Nord, 1997).
Bincangkan kenyataan di atas dengan merujuk kepada faktor latar belakang penterjemahan dalam menterjemah karya-karya kesusasteraan.

*"Each text is produced for a given purpose and should serve this purpose" (Vermeer, in Nord, 1997).
Discuss the above statement with respect to background factors in translating literary works.*

[15 markah]

- [b] Bincangkan hubungan Teks Sumber dengan Teks Sasaran dalam pendekatan fungsian dengan mengaitkannya kepada status antara kedua-dua teks.

By referring to the status between the Source Text and the Target Text, discuss the relationship between both texts under the Functional Approach.

[10 markah]

4. Jawab [a] dan [b].

- [a] Terjemahkan ayat-ayat berikut ke dalam bahasa Inggeris.

Translate the following sentences into English.

- [i] Perempuan yang menjadi ibu ayam itu telah ditangkap oleh polis.
- [ii] Apabila Aminah merajuk, sukar bagi ayahnya untuk memujuknya kerana dia berhati batu.
- [iii] Sampai kucing bertanduk pun awak tidak akan menjadi kaya jika awak tidak berusaha.
- [iv] Ahmad hanya hangat-hangat tahi ayam dalam membuat projeknya; belum pun separuh selesai, projeknya telah ditinggalkan.
- [v] Apabila dia terlihat sebetuk lembaga hitam di hadapannya, dia pun terus mengambil langkah seribu.

[10 markah]

- [b] Bincangkan masalah yang dihadapi oleh penterjemah semasa menterjemahkan ayat-ayat di atas, terutama sekali apabila mengambil kira peribahasa-peribahasa yang terdapat di dalam ayat yang diberikan.

Discuss the problems faced by translators while translating the above sentences, especially when trying to maintain the original meaning of the idiomatic expressions in the context given above.

[15 markah]

5. Jawab [a] dan [b].
Soalan ini boleh dijawab di dalam bahasa Malaysia ATAU bahasa Inggeris.

- [a] "Translators are usually, and understandably, hostile toward machine translation systems" (Robinson, 1997)
Bincangkan kenyataan di atas dengan mengambil kira aspek-aspek berikut:

- [i] teori terjemahan.
- [ii] penterjemahan dengan bantuan Mesin.
- [iii] masa depan penterjemahan mesin dalam era Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

*"Translators are usually, and understandably, hostile toward machine translation systems" (Robinson, 1997).
Based on your understanding of the theories of translation, discuss the statement by defining what you understand by machine translation and the future of machine translation in the Information Communication Technology era:*

- [i] *theories of translation.*
- [ii] *machine translation.*
- [iii] *the future of machine translation in the Information Communication Technology.*

[10 markah]

- [b] Bagaimanakah penterjemahan dengan bantuan Mesin dapat membantu penterjemah dalam menterjemah teks [i] hingga [iii] di bawah:

How would machine translation and information technology assist the translator in translating texts [i] to [iii] below:

[i] Marry, this is the short and the long of it: you have brought her into such a canaries as 'tis wonderful. The best courtier of them all, when the court lay at Windsor, could never have brought her such a canary... Yet there has been knights, and lords, and the gentlemen, with their coaches;...

[ii] The compensator is designed to fit the tube slit above the objective in the same opening used for the gypsum and the mica plates. It is employed in the determination of the order of inference colours between crossed nicols.

[iii] The fog comes
on little cat feet

It sits looking
over harbor and city
on silent haunches
and then moves on.

[Carl Sanburg, Chicago Poems (1916), 'Fog']

[15 markah]

6. Jawab [a] dan [b].

Soalan ini boleh dijawab di dalam bahasa Malaysia ATAU bahasa Inggeris.

[a] Huraikan teori 'polysystem' dengan mengambil kira sarjana yang berkaitan, sejarah kemunculan teori ini, serta ciri-ciri utama teori ini.

Explain the 'polysystem' theory, taking into account related scholars, the history behind the rise of this theory, and its main elements.

[10 markah]

- [b] Teori 'polysystem' ialah faktor utama dalam kemunculan bidang penterjemahan yang berorientasikan teks sasaran. Terangkan perbezaan di antara bidang penterjemahan yang berorientasikan teks sasaran dengan bidang penterjemahan yang berorientasikan teks sumber.

The 'polysystem' theory is the main factor in the rise of Target Text-oriented Translation Studies. Explain the differences between Source Text-oriented Translation Studies and Target Text-oriented Translation Studies.

[15 markah]

--oo000oo--

LAMPIRAN 1
APPENDIX 1

TEKS A

LAMPIRAN 2
APPENDIX 2

TEKS B